

09 APR 2002

PERALIHAN KEPIMPINAN UMNO AKAN BERJALAN LANCAR, KATA MUSA

KOTA KINABALU, 9 April (Bernama) -- Pengerusi Perhubungan Umno Sabah Datuk Musa Aman hari ini berkata sudah menjadi tradisi Umno bahawa peralihan kepimpinan parti itu berjalan lancar dan dipersetujui semua anggota.

Beliau berkata tidak ada sebab untuk tidak menyakini bahawa tradisi itu akan dikekalkan apabila tiba masanya untuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatan sebagai presiden parti kelak.

"Saya membuat ingatan ini kerana saya tidak mahu anggota Umno bimbang dengan propaganda PAS, menerusi Harakah dan Harakah-online," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Musa berkata demikian sebagai mengulas kajian yang menunjukkan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kini mengekori naib-naib presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin daripada segi populariti untuk menggantikan Dr Mahathir apabila presiden Umno itu bersara.

Musa yang juga Menteri Kewangan Sabah berkata: "artikel dalam Harakah itu "nakal" dan jelas bertujuan mencetuskan masalah di kalangan pemimpin Umno. PAS tahu ia semakin hilang kewibawaan dan sengaja memilih isu ini untuk mencetuskan salah faham di kalangan anggota Umno," katanya.

Rancangan ini tidak akan berjaya, jika anggota Umno mengelak daripada memberi reaksi kepada "provokasi yang menghairankan daripada PAS itu."

Sekarang bukan masanya untuk anggota Umno terganggu dengan persoalan mengenai perubahan kepimpinan, katanya.

-- BERNAMA

JS LAT